

## BAB 2

### KONSEP PENGURUSAN SKIM WANG KHAIRAT KEMATIAN (SWKK)

#### 2.1 Pengenalan

Dalam buku yang bertajuk “*HR Governance: A Theoretical Introduction*”, penulis telah membincangkan secara menyeluruh berkaitan takrifan “*pengurusan*” daripada perspektif ahli sarjana Barat. Sebagai contoh, pengurusan ialah suatu proses perancangan, pengaturan, pengarahan dan juga pengawalan bagi sesuatu sumber organisasi sama ada melibatkan manusia, kewangan, fizikal mahupun maklumat dalam usaha mencapai tujuan organisasi (Boris & Grundei, 2019).

Seterusnya, definisi pengurusan juga boleh ditakrifkan sebagai satu proses perancangan, penyusunan kakitangan, pengarahan dan penyeliaan aktiviti dalam sesebuah organisasi secara sistematik bagi mencapai matlamat bersama (Aldag & Stearns, 1991). Manakala, menurut Bartol & Martin (1998), mereka memberi takrifan pengurusan sebagai proses dalam mencapai matlamat sesebuah organisasi dengan melibatkan diri ke dalam empat elemen yang utama iaitu merancang, mengatur, memimpin dan mengawal. Dapat difahami bahawa takrifan yang telah diberikan oleh sarjana Barat tidak begitu berbeza antara satu sama lain, malah kebanyakannya hampir membawa makna yang sama.

Dari perspektif Islam, pengkaji telah merujuk kepada cendekiawan Islam iaitu Syed Othman Al-Habshi dan Hamiza Ibrahim (1998). Mereka telah menukilkan bahawa pengurusan adalah sesuatu perkara merangkumi proses pemikiran yang menghubungkan antara sumber seperti kewangan, modal, daya manusia dan lain-lain

untuk menghasilkan matlamat bagi sesebuah organisasi tidak kira sama ada berupa barangan, produk ataupun perkhidmatan. Manakala, Mohamed Naim (2003) pula menyimpulkan bahawa pengurusan Islam adalah perkara yang dilaksanakan atau dilakukan oleh ketua (pemimpin mahupun pengurus) beserta orang yang berada di bawah kepimpinannya menerusi kaedah serta cara yang tidak bertentangan dengan syariat Islam yang bertujuan untuk mencapai kesejahteraan beragama (Islam), kemajuan dan keamanan hidup sejagat.

Pada hakikatnya, pengurusan bukanlah suatu perkara baharu yang diaplikasikan melalui sesebuah syarikat mahupun institusi kewangan, kebajikan dan sebagainya. Sebaliknya, pengurusan ialah suatu perkara dasar yang perlu melalui proses-proses yang tertentu bagi menghasilkan matlamat tertentu. Tambahan daripada itu, di dalam artikel yang bertajuk '*Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*', penulis telah menjelaskan bahawa pengurusan Islam adalah suatu cara kepimpinan dalam pentadbiran yang berpandukan wahyu sebagai sumber utama tanpa mengabaikan peranan akal manusia dan juga pancaindera.

Oleh yang demikian, bab ini akan memberikan penerangan secara jelas akan keseluruhan konsep pengurusan SWKK secara umum dan khusus. Bermula daripada penjelasan mengenai sistem pengurusan SWKK, kemudian sumber pensyariatannya, seterusnya rukun dan syarat SWKK. Pengkaji juga akan memberi penjelasan daripada pandangan pakar Syariah tentang SWKK serta keistimewaannya. Selanjutnya, perkara yang menjadi perhatian utama dalam bab ini ialah konsep asas tadbir urus SWKK di institusi masjid negeri Selangor mengikut kategori masjid yang telah diiktiraf oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan akan diakhiri dengan kesimpulan bagi bab ini.


## 2.2 Sistem Pengurusan SWKK

Sistem pengurusan boleh ditakrifkan sebagai satu kemahiran sama ada melalui pemikiran mahupun tindakan dalam melaksanakan sesuatu proses kerja dengan mahir, cekap dan bersistematik. Padanya, terdapat tiga tunjang utama dalam mewujudkan sistem pengurusan yang utuh iaitu mempunyai pengurus, seterusnya perlulah mempunyai sebuah organisasi dan yang terakhir perlulah mempunyai tatacara ataupun garis panduan pengurusan yang jelas bagi mencapai matlamat (Asmahan Mokhtar et al., 2014). Oleh yang demikian, berdasarkan kepada takrifan pengurusan yang telah dinyatakan di atas, dapat dilihat bahawa tujuan dan keperluan sistem pengurusan, tidak lain dan tidak bukan hanyalah semata-mata untuk melancarkan dan menyempurnakan objektif pengurusan sesuatu perkara dengan cara dan kaedah yang terbaik.

Terdapat beberapa contoh pengurusan yang boleh kita teliti dari sebesar-besar perkara sehinggalah kepada sekecil-kecil perkara seperti sistem pengurusan maklumat, sistem pengurusan pewartaan tanah, sistem pengurusan pentadbiran sekolah, sistem pengurusan rekod dokumen, sistem pengurusan kehadiran pelajar dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa, setiap aktiviti yang memerlukan kepada pencapaian sesuatu objektif ia memerlukan kepada pengurusan. Ini termasuklah sistem pengurusan masjid yang padanya terdapat pecahan-pecahan organisasi kecil mengikut skop dan tugasnya yang tersendiri dan di antaranya ialah unit khairat kematian.

Maka dengan itu, perkara yang akan dibincangkan dan diperincikan di sini adalah berkaitan sistem pengurusan SWKK yang diamalkan di institusi masjid. Oleh itu, satu kajian yang mendalam telah dilakukan bagi meneliti kaedah-kaedah dan cara pelaksanaan SWKK terhadap lima masjid yang terpilih di sekitar negeri Selangor.

### 2.2.1 Elemen Asas SWKK



**Rajah 2.1:** Elemen Asas SWKK

Secara umumnya, SWKK merangkumi tiga elemen utama iaitu pihak pengurusan SWKK (badan yang menguruskan SWKK), nilai caruman atau bayaran bagi ahli serta manfaat yang akan diterima oleh ahli. Sekiranya terdapat kolompangan elemen dalam sesuatu model, maka pelaksanaan SWKK bagi model tersebut dilihat tidak mampu untuk mencapai objektif yang sebenar. Oleh yang demikian, pengumpulan data dan maklumat terhadap sistem pelaksanaan SWKK di institusi masjid negeri Selangor dilihat mampu menjadi satu perintis dalam memurnikan dan menambah baik sistem SWKK yang sedia ada dari semasa ke semasa.

### 2.2.2 Sistem Lama dan Sistem Baru

Seterusnya, dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat dua kaedah yang signifikan bagi pelaksanaan sistem SWKK iaitu merangkumi sistem lama dan sistem baru. Sahabuddin (2004) telah menghuraikan mengenai kedua-dua kaedah ini dengan jelas. Pertama, bagi sistem khairat kematian lama pelaksanaannya adalah melalui sistem tabungan bersama yang bermaksud dana ataupun sumbangan akan dikumpul dan dikutip daripada individu yang mendaftar sebagai ahli khairat sepertimana yang dapat kita lihat melalui amalan yang telah dilakukan di kebanyakan institusi masjid kini. Kenyataan ini turut dikuatkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Katan et al., (2019) bahawa pembiayaan pengebumian orang Islam secara tradisi dilakukan melalui Persatuan Tabung Kematian Masyarakat (Khairat Kematian) di mana wang akan dikumpul daripada setiap isi rumah di sesuatu kawasan (kariah).

Bagi sistem ini, kebiasaannya institusi masjid dan ahli jawatankuasa kariah merupakan pemegang amanah yang bertanggungjawab dalam melaksanakannya. Setiap individu yang menyertai sistem ini perlulah membayar wang caruman ataupun yuran mengikut kadar dan nilai yang telah ditetapkan bagi sesebuah tempat secara tahunan ataupun bulanan. Setiap tempat mempunyai nilai caruman yang berbeza mengikut kadar yang telah dipersetujui oleh ahli pelaksana. Bagi kaedah ini, dapat dilihat bahawa sekiranya nilai carumannya adalah tinggi, maka manfaat yang akan diperoleh terhadap ahli khairat juga tinggi. Manakala, menurut Bahrom & Nordin (2015) pula, pelaksanaan sistem kutipan khairat kematian boleh dibahagikan kepada dua kumpulan yang utama iaitu melalui sumber dana dan seterusnya melalui wang sumbangan.

Seterusnya, bagi kaedah sistem khairat kematian yang baru iaitu yang kedua pula ialah pelaksanaan sistem khairat kematian yang menggunakan prinsip aktuari

melalui takaful (Akta Takaful, 1984). Sebagai contoh, dapat kita rujuk pada produk seperti Pelan Takaful Keluarga Berkelompok (PTKB) yang telah diwujudkan oleh Takaful Malaysia (Sahabuddin, 2004). Prinsip yang telah digunakan dalam PTKB ini adalah melalui dua prinsip utama iaitu sumbangan (*tabarru<sup>c</sup>*) sebagai dana risiko peserta dan simpanan sebagai dana pelaburan peserta (t.p, 2018). Ini bermakna, di samping pencarum membuat bayaran untuk bantuan risiko akan datang, pencarum juga akan mendapat faedah keuntungan daripada sistem ini. Prinsip tersebut agak sedikit berbeza kerana nilai manfaat yang dapat diperoleh melalui sistem takaful ini adalah lebih tinggi berbanding SWKK.

Berdasarkan kepada dapatan di atas, pengkaji melihat bahawa masih tiada keterikatan kaedah bagi individu yang ingin menyertai SWKK. Ini kerana, mereka boleh memilih sama ada hendak menyertai SWKK dengan sistem lama iaitu tradisional, mahupun baru iaitu melalui takaful ataupun kedua-duanya sekali. Ini merupakan suatu kelebihan bagi SWKK untuk terus berkembang dan terus tersebar dalam melebarkan manfaat sedia ada kepada masyarakat setempat. Dengan adanya pilihan kaedah seperti yang telah dinyatakan, maka masyarakat boleh menyertai SWKK di platform yang dirasakan sesuai mengikut penilaian masing-masing terhadap aspek kemampuan, kemudahan komunikasi terhadap pelaksana SWKK dan juga pengurusan sistem SWKK itu sendiri.

### **2.3 Sumber Pensyariatan SWKK**

Berbicara tentang sumber pensyariatan SWKK secara terperinci, pengkaji tidak menjumpai di dalam mana-mana kitab secara khusus kerana aplikasi SWKK merupakan kaedah bantuan pengurusan jenazah yang diwujudkan dan diasaskan oleh masyarakat Melayu di negara ini (Ibhraim et al., 2017). Walau bagaimanapun, secara

umumnya, SWKK boleh dikiasikan sebagai satu aktiviti berupa sedekah, hibah dan *al-birru* (Shahbuddin & Gunardi, 2022). Selain itu, terdapat dalil-dalil lain yang dilihat bersesuaian dan menepati konsep pelaksanaan SWKK di negara ini. Dalil-dalil yang dimaksudkan adalah bersumberkan al-Quran dan al-Hadith dan ia adalah seperti dalam Jadual 2.1 berikut:

**Jadual 2.1:** Dalil Pensyariatian SWKK

Sumber	Ayat	Maksud
Al-Quran  (Al-Baqarah: ayat 261)	﴿مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ۗ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ﴾	Maksudnya: Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, pada tiap-tiap butir seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. dan Allah Maha luas (kurnia-Nya) lagi Maha mengetahui. <sup>1</sup>
Kitab Al-Adab Al-Mufrad	تَحَابُّوا تَهَادُّوا	Maksudnya: “Saling memberi hadiahlah kamu nescaya kamu akan saling sayang menyayangi.” (Hadith Hasan. Riwayat Imam Al-Bukhari)
Al-Quran  (Ali-Imran: ayat 103)	﴿وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا﴾	Maksudnya: Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu karena nikmat Allah, orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang Neraka, lalu Allah menyelamatkan

<sup>1</sup> Semua terjemahan al-Quran ini adalah berdasarkan Abdullah Muhammad Abdurrahman. 2003. Tafsir Ibnu Kathir. M. Abdul Ghoffar (ptrj.). Bogor: Pustaka Imam Syafi'i. Terjemahan dari sumber lain akan dipetik mengikut kesesuaian.

	<p>وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۗ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿٢﴾</p>	<p>kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.</p>
<p>Al-Quran  (Al- Maidah: ayat 2)</p>	<p>﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَىٰ الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۗ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَىٰ الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ.....﴾</p>	<p>Maksudnya: Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.</p>
<p>Al-Quran  (At- Taubah: ayat 71)</p>	<p>﴿وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۗ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ.....﴾</p>	<p>Maksudnya: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang mungkar,</p>
<p>Kitab <i>Riyadus Solihin</i></p>	<p>عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَىٰ سَائِرَ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى</p>	<p>Maksudnya: Dari Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam, baginda bersabda: “Perumpamaan kaum Mukminin dalam berkasih sayang dan persaudaraan sesama mereka adalah seperti satu jasad. Jika salah satu anggota badan sakit, maka seluruh badan akan turut merasa sakit dengan berjaga malam dan demam.” (Hadith Hasan. Riwayat Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim)</p>

Sumber: Diambil daripada Al-Quran dan Hadith

Ini menunjukkan bahawa, SWKK boleh dikatakan termasuk di bawah naungan konsep *'takaful ijtimai'yy'* dan menepati hukum syarak serta menepati *Maqāṣid Sharī'ah* (Abdul Mutalib, 2022). Kesemua konsep ini telah menunjukkan secara jelas akan pensyariatan dalam melakukan apa-apa perkara kebaikan terhadap manusia. Dalil ini sangat bertepatan dengan situasi peserta SWKK dan kaedah yang diguna pakai oleh sistem SWKK kerana secara jelasnya sebelum peserta menyertai SWKK, pihak ahli jawatankuasa khairat kematian telah menerangkan secara terperinci akan kelebihan dan manfaat menyertai SWKK. Antaranya ialah dapat membantu dan meringankan beban sesama Muslim. Seajar dengan itu, sifat SWKK yang dinamik ini telah menjadikan amalan SWKK terangkum dalam tiga akad yang berbeza sepertimana yang telah dinyatakan di atas.

#### **2.4 Rukun SWKK**

Perkataan "*rukun*" menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) ialah sesuatu asas atau dasar bagi sesuatu perkara. Sebagai contoh mudah yang dapat dilihat dari sudut agama ialah rukun merupakan tiang bagi agama Islam. Kebanyakan perkara-perkara besar mempunyai rukunnya yang tersendiri, seperti rukun negara, rukun tetangga, dan lain-lain. Manakala jika dilihat dari kaca mata agama, rukun terdapat di semua amalan umat Islam bermula daripada akidah, muamalah sehingga kepada ibadah. Antara contoh dari sudut akidah ialah rukun iman.

Seterusnya, dari sudut muamalah pula ialah seperti rukun hibah, rukun wakaf, rukun sedekah dan banyak lagi. Selain itu, dari sudut fiqh terdapatnya rukun solat, rukun puasa, rukun nikah, rukun haji dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa, rukun

merupakan sebahagian daripada perkara yang telah dihukumkan (Zainal Abidin, 2003). Sebagai contoh, sujud adalah rukun solat kerana ia sebahagian daripada solat (Qabus, 2015).

Seiring dengan peredaran zaman di samping percambahan ilmu yang meluas, elemen rukun telah diterapkan di dalam kebanyakan ilmu sehingga kini terdapatnya penjelasan terhadap rukun dalam berdakwah yang meliputi enam elemen iaitu pendakwah, sasaran dakwah, metode dakwah, medium dakwah, bahan dakwah dan keberkesanan dakwah (Abdullah, 2019). Oleh itu, sebagaimana kesemua perkara di atas mempunyai rukunnya yang tersendiri bagi membentuk dan melandasi sesuatu perkara bertepatan dengan tujuannya, maka rukun dalam SWKK turut dilihat perlu dan wajar dikenal pasti sebagai asas dalam pelaksanaan SWKK.

Kepentingan rukun dalam setiap amalan ialah rukun mampu menjadikan sesuatu tindakan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan sah di sisi agama (Othman, 2013). Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Zuhaili (2011) bahawa sesuatu amalan seperti wakaf, tidak boleh diterima sebagai sempurna dan tidak dianggap sah sekiranya terdapat kelompangan dalam rukun wakaf yang empat iaitu pewakaf (*waqif*), harta yang diwakafkan (*mauquf*), penerima wakaf (*mauquf 'alaih*) dan lafaz wakaf (*sighah*) (Mustafa al-Khin et.al, 2005; & Razali Ohman, 2013).

Pengkaji melihat bahawa rukun SWKK dapat dikiaskan dengan rukun hibah kerana padanya terdapat kesemua elemen asas seperti di atas iaitu pemberi hibah (al-wahib), penerima hibah (al-mawhub lah), barang atau harta yang dihibahkan (al-mawhub) dan akad (*sighah*) (Ahmad, 2020). Memandangkan masih tiada lagi perbincangan mengenai rukun dalam amalan SWKK, sebaliknya ia hanya merujuk kepada rukun muamalah semata-mata (Suci Kartini, 2016), pengkaji mendapati bahawa secara

asasnya rukun bagi amalan SWKK adalah sama seperti rukun yang terdapat dalam konsep muamalah seharian iaitu:

- i) peserta SWKK dan pelaksana SWKK (*'aqidan*)
- ii) akad SWKK (*sighah*)
- iii) barang yang dibeli-skim dan manfaat (*ma'qud 'alaih*)

## 2.5 Syarat SWKK

Syarat bermaksud sesuatu yang berada di luar perkara dan bukan intipati kepada sesuatu perkara (t.p., 2022). Menurut Abdul Karim Zaidan (1987), beliau menyatakan bahawa, terdapat sedikit perbezaan di antara syarat dan juga rukun. Majoriti para ulama telah bersepakat bahawa jika sesuatu rukun itu rosak, maka akad bagi perkara yang dilakukan adalah batal. Manakala, jika sesuatu syarat itu rosak, maka akad bagi sesuatu perkara itu adalah *fasad* dan tidak sampai kepada batal.

Dalam masa yang sama, huraian terhadap syarat khusus SWKK adalah perlu berdasarkan kepada rukun SWKK seperti yang telah dinyatakan di atas bagi mendapatkan fahaman yang lebih terperinci. Syarat merupakan elemen yang perlu dijaga serta ditikberatkan oleh setiap penggerak dan pelaksana SWKK bagi memastikan amalan dan aktiviti ini berada pada landasan yang tepat dan diredai oleh Allah S.W.T. Pengkaji akan menghuraikan syarat khusus SWKK ini berdasarkan rukun-rukunnya iaitu i) *'aqidān*; ii) *ṣīghah* dan; iii) *ma'qūd 'alaih*. Berikut merupakan syarat-syarat khusus yang telah dikaji oleh pengkaji:

i) Peserta dan pelaksana SWKK - *‘aqidān*

#### a. Sempurna Keahlian

Seseorang perlulah mempunyai keahlian (kelayakan) yang sempurna dalam melakukan akad seperti bebas daripada sebarang ikatan seperti perhambaan, muflis, sekatan dan undang-undang. Selain itu, *‘aqidan* mestilah baligh iaitu cukup umur. Bagi lelaki, mereka hendaklah sekurang-kurangnya berumur 15 tahun manakala bagi perempuan pula hendaklah berumur 9 tahun ataupun telah datang haid. Kemudiannya, keahlian yang sempurna juga meliputi makna berakal iaitu siuman, tidak gila mahupun mabuk (Tahir, 2016). Ini adalah berdasarkan kepada hadith daripada Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud yang berbunyi:

«رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الْمُبْتَلَى حَتَّى يَبْرَأَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَكْبُرَ»

Maksudnya: “Pena telah diangkat (tidak dicatat) pada tiga perkara: Orang gila yang kehilangan akalnya sehingga dia sembuh. Orang yang tidur sehingga dia sedar. Kanak-kanak sehingga dia bermimpi iaitu cukup umurnya.” (Hadith. Abu Daud. Sunan Abi Daud Ma<sup>‘a</sup> Sharhuhu <sup>‘</sup>Aun Ma<sup>‘</sup>būd: Bab Fī Al-Majnūn Yasriq Aw Yašib Haddan. Hadith Sahih)

(Riwayat Imam Abu Daud)

## **b. Bebas membuat pilihan**

Seterusnya, bebas membuat pilihan iaitu berasa reda, senang dan puas hati terhadap sesuatu urusan tersebut. Tanpa keredaan, akad yang dilakukan boleh dianggap rosak ataupun *fasad* (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2017). Sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam Surah An-Nisa' ayat 29:

﴿إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ﴾

Maksudnya: “Kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu”.

## **c. Peserta dan pelaksana adalah individu yang berbeza**

Selanjutnya, peserta dan pelaksana mestilah individu yang berbeza (Tahir, 2016). Secara praktikalnya, di dalam SWKK peserta merupakan orang yang menyertai dan membuat caruman terhadap SWKK manakala pelaksana ialah pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan perihal SWKK.

## **d. Boleh melihat**

Akhir sekali, peserta yang hendak menyertai SWKK mestilah boleh melihat dan tidak mengalami kecacatan dalam penglihatan. Ini kerana, hukum terhadap jual beli atau muamalat bagi orang yang buta atas sebab wujudnya kejahilan yang ketara adalah tidak sah dan individu ini perlulah mewakilkan orang lain untuk melakukan urusan bagi pihak berkenaan (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2017).

ii) Lafaz akad - *Ṣīghah*

**a. Tidak ada sela masa yang panjang ketika *ijab dan qabul* yang kebiasaannya menunjukkan wujudnya ketidakredaan bagi pihak yang menerima.**

Sekiranya *ijab* dilafazkan, kemudian diselangi dengan diam yang berpanjangan ataupun diselangi dengan perbualan yang tidak berkaitan dengan perkara yang dimaksudkan walaupun dalam tempoh masa yang singkat, kemudian barulah *qabul* dinyatakan, maka akad yang berlaku itu adalah tidak sah. Namun, sekiranya *ijab* dilafazkan kemudian diselangi dengan perbualan yang singkat akan tetapi berkaitan dengan perkara yang dimaksudkan, kemudiannya *qabul* dilafazkan, maka akad yang berlaku dalam situasi ini adalah sah.

Berdasarkan kepada penelitian pengkaji, proses penyertaan SWKK kebiasaannya adalah melalui permohonan dengan mengisi borang khas khairat kematian yang telah disediakan oleh pihak masjid. Pihak masjid juga akan memberikan penjelasan penyertaan SWKK sama ada melalui percakapan ataupun edaran surat mengenai aktiviti ini yang meliputi objektif penubuhan, syarat keahlian, faedah peserta dan juga informasi terhadap kos pengurusan jenazah.

Bagi individu yang berminat untuk menyertainya, mereka hendaklah mengisi borang yang terdiri daripada maklumat data peribadi seperti nama penuh peserta, nombor kad pengenalan peserta, alamat rumah peserta dan maklumat tanggungan yang peserta hendak daftarkan. Sekiranya individu tersebut bersetuju untuk menyertai SWKK, secara tidak langsung mereka perlulah akur dan mengikuti segala ketetapan yang telah dinyatakan oleh pihak masjid dan inilah yang menunjukkan tanda keredaan bagi pihak yang menerima.

## **b. Lafaz *qabul* bertepatan dengan lafaz *ijab***

Seterusnya, lafaz *qabul* perlulah bertepatan dengan lafaz *ijab*. Sebagai contoh yang dapat dilihat dalam kebiasaan situasi jual beli yang berlaku antara masyarakat, sekiranya penjual berkata: “*Saya jual kepada kamu dengan harga RM10*”, dan pembeli menjawab: “*Saya beli dengan harga RM5*”. Ataupun penjual berkata: “*Saya jual kepada kamu dengan harga RM2000 secara tunai*”, kemudian pembeli menjawab: “*Saya beli dengan harga RM2000 secara bertanggung*”, ataupun sebaliknya, maka lafaz *ijab dan qabul* ini adalah tidak sah melainkan dengan persetujuan dari *ijab* penjual (Zulkfli Mohamad Al-Bakri, 2017).

Dalam konteks SWKK, pengkaji melihat bahawa situasi akad bagi SWKK ini memadai dengan persetujuan peserta yang telah termaktub di dalam borang penyertaan SWKK sebagaimana amalan dalam sistem takaful yang dinamakan sebagai kontrak. Ini kerana, kontrak secara bertulis juga merupakan kaedah yang dibenarkan oleh syarak dan ia telah memenuhi syarat *mustabinah wa marsumah* serta memerlukan kepada tanda tangan peserta sebagai bukti bahawa individu tersebut telah bersetuju dan menerima akad ini (Hazmi et al., 2016).

Secara umumnya, *mustabinah* bererti tulisan yang kekal sama ada tulisan yang berada di atas kertas, tanah, kayu dan mana-mana kawasan yang boleh mengekalkan sesuatu tulisan selain dari air dan udara. Manakala, *marsumah* pula ialah cara penulisan yang menjadi kebiasaan bagi manusia dalam urusan surat-menyurat (Hazmi et al., 2016). Selain itu, Noradilah et al., (2019) juga menjelaskan bahawa para fuqaha sebelum ini telah menyatakan bahawa sesuatu perkara yang bertulis dan bercetak adalah dikira sebagai satu bentuk kontrak. Malah, kontrak sebegini turut dibenarkan dalam Islam bagi menggambarkan kehendak terhadap kedua-dua pihak yang hendak melakukan akad (Madkur, 1963; Noradilah et al., 2019).

Merujuk kepada adat dan ‘uruf dalam kaedah penyertaan SWKK, lazimnya pihak masjid akan menyediakan borang penyertaan iaitu borang yang bertulis dan bercetak di tempat yang sesuai seperti rak yang disediakan bagi ahli kariah yang berminat untuk menyertainya. Kemudian setelah diisi, borang tersebut akan diserahkan semula kepada ahli jawatankuasa yang menguruskan SWKK tersebut untuk disahkan dan direkod. Sungguhpun begitu, pengkaji melihat bahawa keperluan untuk menyeragamkan kaedah akad secara lisan di dalam SWKK ini wajar diperhalusi. Hal ini kerana, akad secara lisan dilihat mampu memberi manfaat kepada peserta sebagai penekanan terhadap keseriusan dalam menyertai SWKK ini.

**c. Kesahihan jual beli tidak terikat dengan sebarang syarat ataupun tempoh yang tertentu**

Syarat ini menyatakan larangan dalam menetapkan tempoh atau syarat tertentu yang boleh merugikan mana-mana pihak (Nur Fadhillah, 2018) iaitu membabitkan barangan atau produk yang hendak dijual. Memandangkan SWKK adalah barangan berupa bantuan pengurusan jenazah sama ada berbentuk kewangan mahupun perkhidmatan, maka manfaatnya hanya akan diterima apabila berlakunya sesuatu kematian.

Oleh itu, kematian merupakan satu senario yang pasti akan dialami oleh setiap yang bernyawa. Ini menunjukkan bahawa, jelas tiada sebarang syarat ataupun tempoh yang mengikat akad SWKK ini daripada dilaksanakan kerana skim ini merupakan salah satu usaha dan persediaan daripada manusia untuk menghadapi takdir yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T (Nor Aida & Khairul Anuar, 2010).

#### **d. Akad dalam talian (secara bertulis/*bil kitaabah*)**

Memandangkan teknologi dilihat semakin maju dan berkembang dari masa ke masa, kajian terhadap akad secara bertulis telah pun banyak dibincangkan oleh para sarjana. Kerelevanan akad ini perlu digariskan di dalam pelaksanaan SWKK kerana berdasarkan kaedah pendaftaran SWKK di institusi masjid, kaedah kebiasaannya adalah dengan mengisi borang sama ada secara terus ataupun secara maya tanpa berjumpa dengan pelaksana SWKK. Kemudiannya, pendaftaran serta persetujuan yang telah diperakui oleh peserta melalui sistem khas SWKK yang dibangunkan oleh pihak masjid akan direkod dan disimpan untuk kegunaan dalaman jawatankuasa SWKK secara automatik (Saim, 2022).

Kesesuaian akad secara bertulis ini dibangunkan adalah disebabkan ciri-ciri khas yang ada padanya seperti penggunaan, penghantaran, penerimaan dan penyimpanan mesej elektronik yang terlibat dalam proses pembentukan akad tersebut dan menjadi sebagai salah satu kaedah komunikasi yang baik (Md. Abdul Jalil, 2011; Suhaimi et al., 2021). Secara umumnya, majlis ataupun akad jual beli boleh berlaku meskipun dalam talian walaupun kedua-dua pihak tidak berada di tempat yang sama ataupun saling berjauhan (Suhaimi et al., 2021). Selain itu, kaedah ini juga turut dilihat sebagai satu kaedah yang progresif dan inovatif dalam sesuatu pengurusan lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan isu-isu semasa seperti COVID-19 (Gunardi, 2021).

iii) Barang (Skim dan manfaat) - *Ma'qūd 'alaih*

#### **a. Barangan hendaklah wujud ketika akad dilakukan.**

Ketiadaan kewujudan bagi sesuatu barang adalah tidak harus untuk dijual dan ia termasuk dalam kategori jual beli *gharar* kerana barangan tersebut mungkin wujud dan sebaliknya. Sepertimana hadith Nabi S.A.W terhadap jualan barang yang tidak

wujud. Para penulis daripada kitab Sunan yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, bahawa Hakim bin Hizam R.A berkata:

«يَا رَسُولَ اللَّهِ، يَأْتِينِي الرَّجُلُ فَيُرِيدُ مِنِّي الْبَيْعَ لَيْسَ عِنْدِي أَفَأَتْبَعُهُ لَهُ مِنَ السُّوقِ؟  
فَقَالَ: لَا تَبِعْ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ»

Maksudnya: Wahai Rasulullah SAW! Ada seorang lelaki datang meminta saya menjual kepadanya barang yang saya tiada (saya bertindak menjual kepadanya). Bolehkah saya beli barang tersebut di pasar untuk diserahkan kepadanya. Baginda bersabda: Jangan engkau jual barangan yang tiada padamu.” (Hadith. Abu Daud. Sunan Abi Daud: Bāb Fī Al-Rajul Yabt<sup>c</sup> Mā Laisa <sup>c</sup>Indahu. Hadith Sahih)

(Riwayat Imam Abu Daud)

#### **b. Barangan diketahui oleh kedua-dua pihak yang melakukan akad**

Syarat ini bertujuan bagi mengelakkan berlakunya sebarang isu penipuan dan pemalsuan serta pertelingkahan jika melibatkan akad pertukaran. Sekiranya barangan tersebut tidak diketahui (*majhul*) atau boleh menimbulkan keraguan, maka akad tersebut dianggap tidak sah (Ali Khafif, 1997; Tahir, 2016).

Kebiasaannya, pihak yang melakukan akad akan dimaklumkan mengenai skim ini melalui iklan yang dilakukan oleh pihak masjid. Usaha-usaha lain dalam mempromosikan SWKK juga turut dilakukan sama ada melalui hebahan pengumuman, papan kenyataan, dan juga sosial media. Oleh itu, tiada isu yang akan berlaku terhadap kedua-dua pihak yang melakukan akad kerana kedua-duanya maklum akan barangan tersebut.

### c. Barangan mestilah bernilai dan bermanfaat menurut syarak dan ‘uruf

Tidak sah menjual perkara yang tidak boleh memberi manfaat atau dimanfaatkan kerana pembayaran terhadap sesuatu bagi mendapatkan sesuatu yang tidak bermanfaat adalah perbuatan yang membazir. Sebagaimana Rasulullah SAW sendiri melarang umatnya bersikap membazir. Kenyataan ini juga telah dinyatakan di dalam al-Quran surah Al-Isra’ ayat 27:

﴿ إِنَّ الْمُبْتَدِرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۗ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Rabbnya.”

Seperti yang kita maklum, SWKK merupakan skim bantuan pengurusan jenazah sama ada berbentuk perkhidmatan mahupun kewangan, dan kedua-duanya adalah bagi meringankan beban dan memudahkan pengurusan jenazah bagi ahli waris. Mokhtar (2022) menyatakan bahawa mengutamakan jenazah melebihi perkara lain seperti menyempurnakan pengurusan jenazah sebaiknya daripada awal proses sehingga selesai pengebumian merupakan salah satu syarat yang perlu ada dalam pelaksanaan SWKK. Justeru itu, SWKK tergolong dalam perkara yang bermanfaat dan tidak termasuk dalam kategori yang sia-sia dan tidak berfaedah.

### d. Barangan mestilah boleh diserahkan kepada pihak berkenaan dari segi fizikal dan Syarak

Tujuan syarat ini adalah bagi menghindari berlakunya perbalahan. Memandangkan SWKK merupakan barangan berbentuk manfaat terhadap pengurusan

jenazah, maka bantuan tersebut hanya akan diterima oleh peserta apabila berlakunya kematian dalam kalangan para peserta ataupun ahli yang dicarumkan oleh peserta. Maka dengan itu, dapat dikatakan bahawa SWKK merupakan satu jaminan yang mulia dan baik dalam urusan jenazah.

**e. Nilai tukar barang (kadar wang yang dicarumkan/harga)**

Nilai harga atau kadar caruman hendaklah disepakati oleh pihak yang berurusan. Nilai tersebut hendaklah bersifat terbuka, jelas dan dapat diketahui oleh kedua-dua pihak yang mewakili pelaksana dan peserta (t.p., 2021). Sekiranya ada di antara pihak yang tidak bersetuju dengan harga yang telah ditetapkan, maka situasi muamalah di sini adalah tidak sah. Syarat ini adalah penting bagi mengelakkan sebarang unsur '*gharar*' (ketidakpastian) dan '*al-ghisy*' (penipuan) dalam apa-apa perkara (Luqman Abdullah, 2020).

Sebagai contoh, mana-mana pelaksanaan SWKK yang telah diwujudkan di institusi masjid, kadar caruman wang ataupun harga skim telah pun ditetapkan berdasarkan kepada perbincangan dan persetujuan antara ahli jawatankuasa masjid. Kadar tersebut bergantung kepada harga barang pengurusan jenazah mengikut kepada sesuatu kawasan. Tambahan daripada itu, nilai harga ini juga adalah salah satu elemen asas yang wajib ada dalam pelaksanaan SWKK. Berdasarkan huraian di atas, jelaslah bahawa agama Islam sangat menitikberatkan keadilan terhadap hak umatnya dengan menghindari diri daripada terjebak ke dalam sebarang kemudaratan.

## 2.6 Pandangan Pakar Syariah di Malaysia terhadap SWKK

Menurut Syed Alwi al-Hadi, polisi khairat kematian disifatkan sebagai tidak adil kerana ia mengabaikan keadilan terhadap golongan fakir dan miskin kerana perlu membayar caruman dengan jumlah yang sama seperti peserta khairat yang lain iaitu mereka yang berada dalam kategori berkemampuan mahupun kaya (Ibhrain et al., 2017). Begitu juga dengan pandangan dan kritikan yang dinyatakan oleh Hamidun (t.th) dan Wan Suhana Wan Sulong (2003) di dalam artikel berjudul “*Khairat Kematian di Alam Melayu*” masing-masing menegaskan bahawa sistem polisi khairat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada waktu itu dilihat tidak relevan kerana faedah yang diterima oleh peserta khairat perlu dibayar semula serta boleh menyebabkan perpecahan sesama anak kariah.

Selanjutnya, Ahmad Wifaq Mokhtar (2022) yang merupakan pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM berpandangan bahawa SWKK merupakan satu ijtihad yang baik untuk jangka masa pendek. Ini kerana, gaya hidup masyarakat kini telah menjadikan SWKK sebagai satu keperluan yang berperanan sebagai tabung persediaan. Hal ini berikutan kerana proses pengurusan jenazah yang sempurna memerlukan kepada persediaan kewangan yang mencukupi dalam membayar kos barangan jenazah dan perkhidmatan seperti sewa kenderaan jenazah, upah pemandu kenderaan jenazah, upah penggali kubur dan banyak lagi. Situasi ini berbeza dengan pengurusan yang dilakukan pada zaman dahulu kerana waktu itu, kos pengurusan jenazah dilihat tidak semahal kini.

Beliau turut menyatakan bahawa, seharusnya hukum amalan SWKK di negara ini perlulah bersifat sementara bagi mengelakkan adanya pihak yang tidak bertanggungjawab menjadikan SWKK sebagai satu perniagaan dan bertujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata. Situasi sebegini perlu dielakkan kerana sekiranya

matlamat dan objektif asal SWKK ini telah tersasar daripada objektif utama iaitu untuk memudahkan pengurusan jenazah, ia boleh membawa kepada hukum haram dan telah menyamai masyarakat bukan Islam yang menjadikan pengurusan jenazah sebagai perniagaan.

Berikutan dengan itu, satu kajian terhadap kesan pelaksanaan amalan SWKK perlulah dilaksanakan bagi menilai sejauh mana tahap kepentingan dan *maṣlahah* SWKK kepada masyarakat Muslim. Adakah dengan adanya amalan SWKK, masyarakat akan lebih berlepas tangan kepada pihak masjid dalam menguruskan jenazah? Adakah juga masyarakat akan lebih cakna terhadap ilmu pengurusan jenazah? Atau adakah dengan amalan SWKK, ia mampu mengukuhkan dan menguatkan hubungan sesama jiran? Sebagaimana seruan al-Quran di dalam surah al-Hujurat ayat 13:

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ

أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿﴾

Maksudnya: “Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakanmu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikanmu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu disisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu.

Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.”

Ayat di atas menjelaskan kepada kita bahawa Allah S.W.T menciptakan manusia agar saling mengenal antara satu sama lain. Kenyataan ini disokong oleh hadith Nabi S.A.W yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah di dalam kitab Tafsir Ibn Kathir seperti berikut:

«تَعَلَّمُوا مِنْ أَنْسَابِكُمْ مَا تَصِلُونَ بِهِ أَرْحَامَكُمْ، فَإِنَّ صَلَاةَ الرَّحِمِ حَبَّةٌ فِي الْأَهْلِ، مَثْرَاءٌ فِي الْمَالِ، مَنْسَأَةٌ فِي

الْأَثَرِ»

Maksudnya: Pelajarilah salasilah kalian yang dengannya kalian akan menyambung tali kekeluargaan, karena menyambung tali kekeluargaan itu dapat menumbuhkan kecintaan di dalam keluarga, kekayaan dalam harta dan panjang umur. (Hadith. Abu Hurairah. Sunan Tirmidhī: Bāb Mā Jā'a Fī Ta'lim Nasab. Hadith Hasan)

(Riwayat Abu Hurairah)

Tidak dinafikan bahawa SWKK adalah salah satu usaha yang baik yang tiada di negara lain, namun usaha untuk mengetahui kesan pelaksanaan SWKK dalam kalangan masyarakat adalah perlu bagi menjamin keperluan dan kerelevanan amalan ini pada jangka masa panjang.

Seterusnya, hasil temu bual bersama Safwan Harun (2022) yang merupakan pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya mendapati bahawa, objektif amalan SWKK adalah untuk menjadi pembantu dan memudahkan ahli waris dalam menguruskan jenazah dan amalan ini dilihat boleh dihidupkan dalam kehidupan. Seperti yang kita maklum bahawa pengurusan jenazah kini menuntut kewangan yang sangat tinggi dalam kalangan masyarakat kerana adanya kos-kos tertentu yang perlu dibayar bagi menyempurnakan jenazah. Oleh itu, SWKK di institusi masjid dilihat boleh menjadi salah satu platform yang terbaik untuk ahli kariah atau masyarakat setempat

dalam membuat tabungan secara berkala yang akan dijaga oleh pihak yang diberi amanah iaitu ahli jawatankuasa masjid di bawah unit khairat kematian.

Selari dengan peribahasa Melayu iaitu “sediakan payung sebelum hujan” yang bermaksud berwaspada sebelum ditimpa musibah (Muslim, 2015), merupakan salah satu kaedah yang sesuai untuk diamalkan sebagai langkah persediaan kematian supaya tidak membebankan ataupun menyukarkan orang lain di kemudian hari. Peribahasa tersebut dilihat sangat bertepatan dengan konsep SWKK yang mesra masyarakat. Ini kerana, yuran yang dikenakan kepada ahli khairat adalah tidak terlalu tinggi serta mampu untuk disertai oleh kebanyakan masyarakat. Aplikasi SWKK di institusi masjid juga dilihat sangat mudah diakses kerana kebanyakan masjid telah melaksanakan amalan SWKK ini. Adapun dari aspek amalan ataupun sistem SWKK, ia dilihat perlu untuk dikemaskini dari semasa ke semasa untuk mewujudkan satu ‘*standard*’ bagi melahirkan sistem SWKK yang bertaraf cemerlang di negara ini di samping memelihara objektif asal penubuhan SWKK.

## **2.7 Keistimewaan SWKK**

Tidak dinafikan lagi bahawa terdapat banyak keistimewaan yang boleh didapati dalam amalan SWKK di Malaysia. Sebagai contoh, Abdul Mutalib (2022) telah menyatakan bahawa SWKK kini dilihat sangat penting kerana mampu mengukuhkan struktur kemasyarakatan. Tambahan pula, dari sudut pelaksanaannya pula, ia dilihat agak berbeza dengan skim khairat kematian yang disediakan oleh agensi luar kerana SWKK di institusi masjid dilihat lebih mesra masyarakat. Mesra masyarakat yang dimaksudkan oleh pengkaji di sini ialah manfaat yang akan diterima oleh peserta akan

diterima secara terus melalui pengurusan jenazah yang dilakukan oleh pihak khairat kematian.

Di samping itu, adapun skim khairat kematian melalui agensi selain institusi masjid, ia dilihat kurang memberikan rasa (*zouq*) berbanding SWKK yang dilaksanakan di masjid kerana masyarakat dapat melihat setiap pelaksanaan dan bantuan pengurusan jenazah dengan mata kepala mereka sendiri. Selain itu, tambah beliau juga, SWKK mampu melahirkan semangat kekitaan dalam sesebuah komuniti. Ini kerana, dengan adanya tabungan SWKK yang ditubuhkan untuk tujuan membantu pengurusan jenazah, secara tidak langsung sesama peserta telah membantu meringankan kesusahan masyarakat setempat sama ada dari sudut *maddī* mahupun *ma<sup>c</sup>nawī*. Situasi sebegini jelas menunjukkan bahawa ahli keluarga yang ditimpa musibah kematian tidak berkeseorangan dan masih dipedulikan oleh insan-insan yang berjiwa besar dan baik hati bak kata pepatah Melayu '*berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*'.

Kenyataan ini adalah selari dengan pandangan Safwan Harun (2022) iaitu, amalan SWKK boleh menjadi satu simbolik saling membantu antara masyarakat dengan mewujudkan semangat kerjasama sesama peserta atau ahli khairat. Ini adalah berdasarkan situasi di mana apabila seseorang individu bersetuju untuk menjadi ahli khairat dengan membayar caruman sama ada secara bulanan ataupun tahunan, hal ini secara tidak langsung menunjukkan mereka telah bersedia untuk saling membantu sesama sendiri untuk bersedekah dan menyumbang sebahagian kecil daripada harta mereka dengan membantu melancarkan pengurusan jenazah pada tahun tersebut. Meskipun ahli khairat maklum bahawa apabila mereka membayar caruman pada tahun tertentu, mereka tidak akan dapat manfaatnya pada tahun yang sama. Namun, manfaatnya akan diperoleh apabila berlakunya kematian terhadap ahli khairat yang lain ataupun waris keluarga ahli yang didaftarkan di dalam SWKK.

## 2.8 Konsep Asas Tadbir Urus SWKK di Institusi Masjid Negeri Selangor

Secara dasarnya, kebenaran terhadap pelaksanaan SWKK di institusi masjid negeri Selangor telah diiktiraf dan diberi kebenaran oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) ini. Berdasarkan kepada *Enakmen Pentadbiran Agama Islam* (Negeri Selangor) 2003 iaitu dalam Bahagian VIII, Seksyen 106 bagi Pungutan Khairat, peruntukan ini secara jelas menyatakan bahawa pungutan khairat di negeri Selangor telah pun termaktub seperti di Jadual 2.2:

**Jadual 2.2:** Peruntukan Undang-Undang Pungutan Khairat di Negeri Selangor

<b>Seksyen 106. Pungutan khairat.</b>
<p>(1) Majlis boleh memungut atau, dengan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh Majlis, membenarkan mana-mana orang atau kumpulan orang, dengan apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Majlis, memungut wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak.</p> <p>(2) Maka hendaklah disifatkan sebagai suatu terma bagi tiap-tiap kebenaran yang diberikan di bawah subseksyen (1) bahawa penerima kebenaran itu dan tiap-tiap orang lain yang dibenarkan melaluinya untuk memungut wang atau sumbangan lain hendaklah—</p> <ol style="list-style-type: none"><li>a) mengeluarkan berkenaan dengan tiap-tiap jumlah wang dipungut sedemikian suatu resit mengikut nombor siri dalam bentuk yang ditetapkan;</li><li>b) menyimpan akaun-akaun yang benar dan lengkap bagi semua jumlah wang dipungut sedemikian dan tentang pelupusannya, dengan semua baucer yang sepatutnya;</li><li>c) apabila dituntut, mengemukakan potongan resit dan semua akaun dan baucer-baucer itu bagi pemeriksaan dan pengauditan oleh Majlis;</li><li>d) menggunakan dan melupuskan semua jumlah wang yang dipungut sedemikian mengikut terma-terma kebenaran itu atau jika tiada cara untuk melupuskan wang itu dibenarkan dengan nyata oleh surat kebenaran itu, membayar dan mengakaunkannya kepada Baitulmal.</li></ol> <p>(3) Wang yang dipungut menurut seksyen ini bolehlah digunakan bagi apa-apa maksud yang dinyatakan oleh Majlis, dan jika tiada maksud dinyatakan sedemikian, hendaklah menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p> <p>(4) Tiada seorang pun boleh membuat atau mengambil bahagian dalam apa-apa pungutan wang bagi apa-apa maksud seperti yang disebut dalam subseksyen (1) kecuali dengan kebenaran nyata daripada Majlis atau menurut kuasa surat kebenaran di bawah subseksyen (1).</p> <p>(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.</p>

Sumber: Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Kebenaran untuk melaksanakan amalan ini telah disokong dan dikuatkan lagi dengan kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-18 yang bersidang pada 25 Februari 1987 iaitu;

*Muzakarah telah memutuskan bahawa:*

Selain daripada Kumpulan Khairat Kematian Lembaga Letrik Negara ini terdapat juga bentuk kumpulan khairat yang sama yang dikendalikan oleh organisasi lain di negara ini seperti Jabatan bomba, Felda dan lain-lain. Keahliannya juga melibatkan orang bukan Islam.

Dari segi hukum orang Islam tidak boleh membantu sebarang kegiatan atau perbuatan bercorak keagamaan agama-agama bukan Islam tetapi bantuan kepada kegiatan atau perbuatan berbentuk kemasyarakatan diharuskan.

Muzakarah mengambil keputusan Kumpulan Khairat Kematian yang dikendalikan oleh Lembaga Letrik Negara harus disisi syarak dengan syarat wang bantuan yang dikeluarkan tidak digunakan bagi kegiatan atau perbuatan bercorak keagamaan agama bukan Islam.

Penyertaan orang Islam dalam Kumpulan Khairat Kematian yang ahlinya bercampur antara orang Islam dengan bukan Islam adalah harus dengan syarat mereka hendaklah meniatkan wang yang disumbangkan kerana tujuan bantuan dan bukan membantu perkara yang berkaitan dengan keagamaan bukan Islam.

Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa di negeri Selangor, kebenaran untuk melakukan SWKK adalah sah dan dibenarkan dari sudut perundangan di Malaysia.

Umumnya, institusi masjid di negeri Selangor terbahagi kepada enam kategori iaitu Masjid Negeri, Masjid Diraja, Masjid Daerah, Masjid Pengurusan, Masjid Institusi dan Masjid Kariah (Bahagian Pengurusan Masjid, 2022). Berdasarkan kepada hasil temu bual yang telah dilakukan terhadap Pegawai Pengurus Hal Ehwal Islam di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) iaitu Ustaz Salami bin Masri, setiap kategori masjid mempunyai kriteria dan tarafnya yang tersendiri sebagaimana Masjid Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah yang terletak di Shah Alam merupakan Masjid Negeri di negeri Selangor. Masjid Negeri terdapat di setiap negeri di Malaysia dan ia merupakan masjid rasmi bagi tiap-tiap negeri. Masjid Negeri ialah masjid yang mempunyai kuasa autonomi yang tersendiri kerana ia boleh bergerak secara sendiri dari beberapa aspek tertentu seperti pemilihan jawatankuasa masjid dan beberapa perkara yang lain tanpa terikat dengan keputusan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ini selari dengan keluasan pembinaan masjid negeri yang besar sehingga mampu dikatakan seperti mempunyai jabatan yang tersendiri.

Seterusnya, bagi kategori Masjid Diraja pula, masjid ini merupakan masjid yang diasaskan dengan perkenan Sultan negeri Selangor. Kemudiannya, masjid ini mempunyai tujuh (7) pegawai lantikan daripada JAIS yang terdiri daripada seorang pengurus, dua orang timbalan pengurus dan empat orang pembantu pengurus. Seterusnya, masjid kategori daerah merupakan masjid utama bagi sesebuah daerah seperti di negeri Selangor yang terdiri daripada sembilan daerah iaitu Kuala Langat, Hulu Langat, Klang, Sepang, Petaling, Gombak, Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor. Oleh itu, bagi setiap daerah akan ada satu masjid kategori daerah yang

dikenali sebagai Masjid Jamek. Masjid kategori ini mempunyai enam (6) pegawai lantikan JAIS yang merangkumi seorang pengurus, seorang timbalan pengurus serta empat orang pembantu pengurus.

Masjid kategori pengurusan pula pada asalnya merupakan masjid kariah lalu dinaik taraf kepada masjid pengurusan. Masjid kategori ini mempunyai seramai empat (4) orang pegawai lantikan JAIS yang terdiri daripada seorang pengurus, seorang timbalan pengurus dan dua orang pembantu pengurus, manakala, bagi masjid kategori kariah, tiada pegawai lantikan JAIS yang dihantar ke masjid ini kerana masjid ini melantik jawatankuasa masjid melalui Mesyuarat Agong Pencalonan Jawatankuasa Masjid oleh penduduk kariah (Mahaudin, 2022). Begitu juga dengan masjid kategori institusi, ia juga boleh dikira sebagai masjid kariah kerana sistem pemilihan jawatankuasanya sama seperti masjid kategori kariah (Salami Masri, 2022).

Oleh yang demikian, pengkaji telah mendapatkan data mengenai pengurusan SWKK di masjid yang terpilih berdasarkan enam kategori masjid (akan dibincangkan secara terperinci pada bahagian seterusnya). Adapun Masjid Negeri, pengkaji mendapati bahawa masjid tersebut tidak melaksanakan SWKK dan pihak masjid mencadangkan kepada pengkaji untuk merujuk kepada masjid yang lain selain daripada masjid tersebut.

### **2.8.1 Tadbir Urus SWKK di Masjid (Kategori Diraja)**

Masjid Raja Haji Fi Sabilillah merupakan masjid diraja yang terletak di Persiaran Semarak Api, Cyberjaya daerah Sepang. Sistem tadbir urus SWKK di masjid ini sepenuhnya diselia oleh pihak masjid bermula dari tahun 2019 lagi. Menurut Muhammad Ali (2022), beliau menyatakan bahawa sebelum ini pihak masjid telah

menggunakan perkhidmatan sebuah syarikat dalam menjalankan SWKK yang menggunakan sistem takaful namun dilihat pengurusannya tidak begitu praktikal sehingga menyebabkan pihak masjid perlu mengambil alih pengurusan SWKK secara sepenuhnya. Ahli Jawatankuasa SWKK masjid ini terdiri daripada pegawai masjid serta wakil penduduk taman yang berkredibiliti dan dikenali. Masjid ini juga turut melakukan kerjasama dengan Masjid Putra Perdana yang terletak berhampiran dengan masjid ini bagi membantu pengurusan jenazah khususnya terhadap pengurusan jenazah wanita.

Pendaftaran dan bayaran yuran SWKK boleh dilakukan secara maya ataupun 'online'. Yuran SWKK di masjid ini adalah sebanyak RM50 setahun, berbeza dengan yuran yang dikenakan sebelum ini yang mempunyai dua pilihan iaitu RM50 dan RM120, bergantung kepada nilai manfaat yang akan diperoleh bagi ahli khairat. Manfaat SWKK yang diterima adalah merangkumi perlindungan selama 12 bulan, kemudian bantuan pengurusan jenazah akan disempurnakan dari awal proses sehinggalah selesai termasuk menyediakan kepok sebagai perhiasan kubur bagi tujuan untuk memberi keseragaman terhadap kawasan tanah perkuburan dan kesemua proses ini berjumlah sebanyak RM1250.

Selain itu, antara usaha dan cara yang digunakan oleh pihak Masjid Raja Haji Fi Sabilillah untuk menggalakkan penyertaan ahli kariah dalam SWKK adalah dengan membuat pengiklanan SWKK dengan menggunakan platform media sosial masjid, menggantung kain rentang, serta menjalankan aktiviti '*Jelajah Khairat Kematian*'. Tidak lupa juga, video-video pendek yang berdurasi selama seminit juga turut diusahakan oleh pihak masjid bagi menarik perhatian masyarakat setempat untuk menyertai SWKK. Berikutan daripada itu, dapat disimpulkan bahawa pendekatan yang berbentuk inovatif dan kreatif yang dilaksanakan oleh pihak masjid dalam

mempromosikan SWKK sangat jelas dan seiring dengan perkembangan teknologi moden.

### **2.8.2 Tadbir Urus SWKK di Masjid (Kategori Pengurusan)**

Masjid Kota Damansara yang terletak di Jalan Sepah Puteri 5/21, Seksyen 5, Kota Damansara daerah Petaling Jaya antara masjid pengurusan yang terpilih dalam kajian ini. Tadbir urus SWKK di masjid ini dikendalikan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan iaitu badan khairat kematian masjid yang dinamakan dengan '*Badan Khairat Kematian Masjid Kota Damansara*' (Undang-Undang Bagi Badan Khairat Kematian Masjid Kota Damansara, 2019). Badan khairat kematian masjid ini tidak bergerak sendirian, kerana pertubuhan ini berkerjasama dengan pihak masjid dari aspek pengurusan jenazah. Pertubuhan ini bertujuan untuk memberi bantuan kewangan pengurusan jenazah bagi ahli atau waris apabila berlakunya kematian dalam kalangan ahli atau tanggungan ahli yang berdaftar.

SWKK ini adalah terbuka kepada semua penduduk Islam di kariah Masjid Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 60 tahun. Penduduk di luar mukim ini tidak layak menjadi ahli khairat kematian di bawah pengurusan masjid ini. Pada awal proses pendaftaran SWKK, setiap ahli perlulah membayar yuran atau caruman sebanyak RM 50 setahun bagi sebuah keluarga dan tidak boleh mempunyai tunggakan yuran melebihi satu tahun. Syarat ini diwujudkan bertujuan untuk membantu ahli khairat agar sentiasa konsisten dalam menjelaskan caruman supaya SWKK dapat dilaksanakan dengan sempurna serta keahlian seseorang ahli khairat dapat dikekalkan dan tidak gugur.

Pertubuhan ini akan memberikan bantuan perkhidmatan pengurusan jenazah tidak melebihi RM1500 bagi tiap-tiap ahli khairat mahupun tanggungan ahli yang berdaftar yang telah meninggal dunia dengan menyerahkan sijil kematian yang sah. Ahli yang berdaftar yang dimaksudkan adalah tanggungan-tanggungan ahli yang namanya didaftarkan dan disimpan oleh Setiausaha Khairat Kematian. Sekiranya kematian terhadap ahli mahupun tanggungannya berlaku di luar Kota Damansara, maka bantuan berbentuk wang akan diberikan kepada ahli atau waris yang masih hidup. Menurut Ahmad Iskandar Muslim (2022), dari sudut pengurusan kewangan, memandangkan SWKK Masjid Kota Damansara adalah di bawah pertubuhan, maka pengauditan secara tahunan akan dijalankan dan dihantar kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia secara terus. Tambahan daripada itu, pengauditan daripada JAIS juga turut dilakukan bagi menjamin ketelusan pengurusan kewangan SWKK masjid ini.

Seterusnya, dari segi hebahan dan promosi pula, pihak pertubuhan dan masjid akan sama-sama menyebarkan maklumat serta iklan mengenai khairat kematian di semua platform media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Bukan itu sahaja, aktiviti seperti kursus pengurusan jenazah juga turut dilakukan secara tahunan sebagai salah satu usaha dalam mempromosikan SWKK kepada masyarakat kariah di sekitar Kota Damansara. Secara dasarnya dapat dilihat bahawa pengurusan SWKK di masjid ini adalah hasil kerjasama badan pertubuhan khairat kematian yang dianggotai oleh ahli khairat kariah ini dengan pihak masjid sejak tahun 2010 lagi.

### **2.8.3 Tadbir Urus SWKK di Masjid (Kategori Daerah)**

Masjid Jamek Ar-Rahimiah merupakan masjid kategori daerah yang terpilih dalam kajian ini. Masjid ini terletak di Persiaran Tengku Ampuan Rahimah, Taman Sri

Andalas, di daerah Klang. Menurut Hamzah (2022), beliau menyatakan bahawa SWKK di masjid ini sepenuhnya diuruskan oleh pihak masjid. Ini bermakna, ahli jawatankuasa yang menguruskan SWKK adalah mereka yang juga merupakan ahli jawatankuasa masjid khususnya mereka yang berpengalaman dalam bidang pengurusan jenazah. SWKK di masjid ini terbuka kepada ahli kariah di sekitar kawasan ini. Yuran pendaftaran bagi tiap-tiap individu yang berminat untuk menjadi ahli khairat adalah sebanyak RM20, dan yuran ini hanya perlu dibayar sekali bagi seumur hidup. Manakala yuran tahunan SWKK di sini adalah sebanyak RM70 setahun. Bagi ahli kariah yang tidak berkemampuan untuk menyertai SWKK, pihak masjid akan memberi kelonggaran terhadap bayaran pengurusan jeazah sekiranya berlaku kematian.

Nilai manfaat yang bakal diterima oleh setiap ahli khairat adalah bergantung kepada kawasan perkuburan yang dipilih oleh ahli khairat ataupun ahli waris. Sebagai contoh, sekiranya berlaku kematian terhadap ahli waris bagi ahli khairat, maka ahli khairat perlu memilih sama ada jenazah tersebut hendak dikebumikan di tanah perkuburan yang terletak di Johan Setia ataupun Sg. Sirih. Sekiranya pengebumian dilakukan di tanah perkuburan Johan Setia, maka nilai manfaatnya adalah sebanyak RM1500, manakala jika pengebumian dilakukan di tanah perkuburan Sg. Sirih, maka nilai manfaat yang bakal diterima adalah sebanyak RM1200. Perbezaan nilai ini berlaku disebabkan kos tapak perkuburan tersebut adalah berbeza dari satu tempat ke satu tempat.

Seterusnya, masjid ini melakukan promosi SWKK dengan membuat hebahan suara berkaitan SWKK di masjid. Selain itu, pihak masjid juga mengajak ahli kariah untuk menyertai SWKK melalui perbincangan secara bersemuka dan paling utama adalah dengan membuka kaunter bayaran dan pendaftaran SWKK pada setiap awal tahun (iaitu pada hari Jumaat dalam minggu pertama) sebagai langkah menarik minat

masyarakat untuk menyertai SWKK ini. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pengurusan SWKK di Masjid Jamek Ar-Rahimiah ini adalah sepenuhnya di bawah pengurusan masjid dan tidak melibatkan badan mahupun individu luar (Hamzah, 2022).

#### **2.8.4 Tadbir Urus SWKK di Masjid (Kategori Kariah)**

Bagi kategori masjid kariah pula, masjid yang terpilih untuk kajian ini ialah Masjid Ar-Rohmaniah, Kampung Sg. Lang Baru yang terletak di daerah Kuala Langat. SWKK di masjid ini adalah di bawah seliaan dan pengurusan masjid sepenuhnya. Hal ini kerana, menurut Mahaudin (2022), peraturan JAIS yang terkini telah menyatakan bahawa, penetapan terhadap pengurusan khairat kematian hanya perlu dan boleh diuruskan oleh pihak masjid sahaja dan keterlibatan pihak luar adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, sekiranya pertubuhan khairat luar telah wujud sejak sebelum penyelarasan ini dilakukan, maka ia dibolehkan untuk terus dikekalkan.

Dari sudut kutipan yuran, masjid ini mempunyai dua jenis bayaran yuran iaitu yuran terhadap ahli khairat sebanyak RM30 manakala yuran sebanyak RM50 adalah bagi ahli khairat bersekutu iaitu ahli khairat yang tinggal di sempadan kariah kawasan masjid ini. Bagi individu yang tidak berkemampuan untuk menyertai SWKK pula, pihak masjid akan menanggung sepenuhnya pembiayaan pengurusan jenazah mereka melalui dana khairat kematian masjid.

Nilai manfaat bagi SWKK Masjid Ar-Rohmaniah ini ialah sebanyak RM1000 yang merangkumi kos pengurusan jenazah serta wang ihsan terhadap ahli khairat. Selain itu, masjid ini juga turut melakukan '*Kempen Kutip Yuran SWKK*' pada setiap bulan April sebagai salah satu pendekatan promosi yang boleh dilakukan. Di samping

membuat hebahan suara dan iklan promosi di televisyen yang terdapat di masjid, ketua keluarga dilihat memainkan peranan penting dalam menyebarkan kepentingan SWKK di dalam keluarga masing-masing supaya semua ahli keluarga turut faham dan cakna akan khairat kematian.

Justeru itu, kerjasama dalam kalangan masyarakat untuk sentiasa berpesan-pesan akan keperluan dan kepentingan SWKK dilihat perlu dijadikan budaya dalam kehidupan seharian dan ia adalah selari dengan saranan al-Quran sepertimana disebut di dalam surah Al-Asr yang menggesa agar umat Islam untuk sentiasa berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesannya dengan sabar.

#### **2.8.5 Tadbir Urus SWKK di Masjid (Kategori Institusi)**

Berdasarkan kepada hasil temu bual bersama Pegawai Hal Ehwal Islam di masjid ini iaitu Alzasha Illiyin (2022), SWKK di Masjid Universiti Putra Malaysia atau pada asalnya dikenali oleh Masjid Jamek Qaryah Serdang (UPM) adalah di bawah kelolaan dan pengurusan pihak universiti sepenuhnya, khususnya di bawah pentadbiran Pusat Islam Universiti. SWKK di masjid ini dinamakan dengan Tabung Bantuan Pengurusan Jenazah Pegawai UPM (TBPJPUPM) yang menggunakan prinsip khairat kematian iaitu memfokuskan terhadap kebajikan peserta apabila berlakunya kematian dalam sesebuah keluarga. Adapun nama tabung ini dikhususkan kepada 'Pegawai UPM', akan tetapi penyertaannya turut meliputi bekas kakitangan UPM (pesara) serta orang awam yang tinggal berdekatan di sekitar kawasan universiti.

Nilai caruman yang perlu dibayar oleh peserta khairat Masjid UPM ini telah dibahagikan kepada dua kategori: bagi kategori pertama iaitu staf kumpulan pelaksana, mereka perlu membayar sebanyak RM 2 sebulan. Manakala, kategori kedua pula ialah

caruman kepada staf kumpulan pengurusan dan profesional sebanyak RM5 sebulan. Seterusnya, bagi nilai manfaat yang bakal diterima oleh setiap peserta adalah sebanyak RM1800. Sekiranya proses pengebumian jenazah diuruskan oleh Masjid Universiti Putra Malaysia, maka nilai manfaat yang akan diterima sebagai wang ehsan adalah nilai baki daripada bayaran perkhidmatan pengurusan jenazah. Sebagai contoh, sekiranya pengurusan jenazah tersebut mencecah kos sehingga RM 1000, maka baki nilai wang ehsan yang akan diterima oleh ahli waris adalah sebanyak RM 800.

Kaedah promosi tabung khairat kematian ini adalah dengan membuat hebahan melalui media sosial, emel, dan juga '*Hari Bersama Pelanggan*'. Bagi memastikan hebahan ini dapat dilakukan secara menyeluruh, maka jawatankuasa dalam organisasi TBPIPUPM yang terdiri daripada wakil setiap sektor seperti Wakil Pendaftar, Wakil Bursar, Presiden Persatuan Pegawai Akademik UPM, Presiden Persatuan Pentadbir UPM dan Presiden Kesatuan Kakitangan Am (KEPERTAMA) masing-masing berperanan dalam membantu menjayakan hebahan agar dapat disampaikan dengan sempurna. Maka dengan itu, pengkaji melihat bahawa penubuhan tabung ini secara khususnya amat memudahkan penyertaan khairat kematian bagi kakitangan UPM di samping ia mempunyai kolaborasi bersama pihak masjid yang menjadikan segala urusan berkaitan pengurusan jenazah dapat dilaksanakan dengan lancar.

## **2.9 Kesimpulan**

Sebagai rumusannya, berdasarkan kepada hasil dapatan data di atas, majoriti masjid mengamalkan kaedah sistem tradisional dalam pengurusan SWKK. Pengkaji berpendapat bahawa, sistem tradisional ini lebih mudah untuk dipraktikkan lebih-lebih lagi apabila agihan manfaat hendak dilakukan oleh pihak SWKK dalam menguruskan

jenazah kerana dana tersebut dapat dikeluarkan secara terus tanpa melibatkan pihak ketiga. Ini kerana, kewangan tabung khairat kematian dipantau dan diuruskan sendiri oleh pihak SWKK. Berbeza dengan sistem moden, ia memerlukan beberapa prosedur tambahan seperti dikehendaki untuk membuat permohonan tuntutan manfaat terlebih dahulu yang memakan masa hingga beberapa hari.

Selain itu, secara dasarnya tadbir urus SWKK di institusi masjid negeri Selangor kini telah diselaraskan mengikut kehendak dan peraturan JAIS. Penyelarasan tersebut termasuklah pelaksanaan aktiviti kutipan khairat kematian atau SWKK yang hanya boleh dilakukan oleh pihak masjid sepenuhnya di bawah Unit Khairat Kematian. Kemudiannya, dari sudut kewangan pula, dana khairat perlu dimasukkan ke dalam akaun masjid yang khas dan sah. Ini bermakna, masjid hanya boleh mempunyai satu akaun kewangan sahaja melainkan ada permohonan khas untuk mewujudkan akaun baharu dan ia perlulah melalui proses dan pertimbangan oleh pihak JAIS bagi meluluskannya (Muhammad Ali, 2022). Tidak dilupakan juga, proses pengauditan juga wajib dilakukan oleh pihak institusi masjid di negeri Selangor dan akan disemak oleh JAIS secara tahunan.

Walau bagaimanapun, bagi SWKK di masjid bagi kategori institusi, ia berbeza mengikut sesebuah universiti. Sebagai contoh, bagi Masjid UPM sebagaimana yang telah dikenalpasti oleh pengkaji, sistem SWKK yang digunakan oleh mereka adalah lebih istimewa dan mempunyai keunikannya tersendiri kerana tidak melibatkan pantauan daripada JAIS. Ini disebabkan ia adalah di bawah pengurusan universiti secara sepenuhnya. Begitu juga dari sudut pengauditan, pihak Jabatan Bendahari Universiti adalah pihak yang bertanggungjawab dalam mengaudit kewangan keluar masuk SWKK. Tambahan pula, rekodnya akan dibawa dan diberi kepada Pengurusan

Universti serta Jawatankuasa Sosial dan Kebajikan Universiti untuk dibentangkan dan dinilai.

Pada penelitian pengkaji, perbezaan yang dapat dikaji dalam tadbir urus SWKK di antara setiap masjid hanyalah dari sudut nilai caruman yang berbeza mengikut tempat serta pendekatan promosi yang dilaksanakan mengikut kreativiti ahli jawatankuasa masjid yang bertanggungjawab terhadap khairat kematian. Oleh itu, diharapkan agar pelaksana khairat kematian di setiap masjid dapat melakukan satu anjakan paradigma dalam memperkasakan promosi khairat kematian secara bersama. Pelbagai usaha boleh dilakukan seperti melakukan perjumpaan dan perbincangan mengenai khairat kematian daripada pihak atasan secara berkala sebanyak dua kali setahun, pertukaran buah fikiran sesama ahli jawatankuasa masjid dan sebagainya.